

31/05/2001

Pak Lah minta Umno Baling akur keputusan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Rabu - Pelantikan Raja Datuk Ariffin Raja Sulaiman sebagai Ketua Umno Bahagian Baling tidak wajar dibantah kerana ia keputusan yang dilakukan mengikut prosedur parti dan diterima Majlis Tertinggi (MT).

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata keputusan yang dibuat berdasarkan hasil siasatan Lembaga Disiplin Umno itu, memenuhi syarat dan tidak bercangah dengan perlembagaan parti.

"Ini dilakukan mengikut kebiasaan menentukan ketua bahagian seperti mana diamalkan sekarang dalam pemilihan mana-mana Umno bahagian.

"Dalam pemilihan Ketua Umno bahagian, kalau seorang daripadanya yang menang didapati bersalah, maka calon yang lagi satu dipilih mengisi jawatan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno di ibu pejabat parti itu di sini, hari ini.

Kemelut berhubung perkara itu tercetus apabila Raja Datuk Ariffin dilantik sebagai ketua Umno Bahagian Baling menggantikan Datuk Zainol Md Isa yang kehilangan jawatan kerana didapati salah terbabit politik wang dalam pemilihan peringkat bahagian bulan lalu.

Dalam pemilihan Umno bahagian itu tempoh hari, Zainol menewaskan Raja Ariffin, yang juga penyandang jawatan Ketua Umno Bahagian Baling.

Semalam, akhbar melaporkan 114 ketua cawangan Umno dalam bahagian Baling menyerahkan memorandum bantahan kepada Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, dalam perjumpaan dengan jawatankuasa bahagian berkenaan.

Jurucakap kumpulan itu, Ketua Umno cawangan Kampung Tiak, Wan Mahmud Wan Ibrahim, yang turut menganggotai jawatankuasa bahagian berkenaan, berkata perlembagaan parti menyatakan dengan jelas bahawa timbalan ketua atau naib ketua dilantik sebagai pemangku sekiranya ketua bahagian tidak dapat melaksanakan tugas beliau.

Katanya, Fasal 15.7 Perlembagaan Umno ada menggariskan bahawa jika jawatan ketua Umno bahagian terpaksa dikosongkan atas sebab tertentu, maka ia perlu dipangku oleh timbalannya.

Bagaimanapun, Syed Razak menafikan beliau menerima sebarang memorandum dan menolak andaian pelantikan Raja Ariffin menjadi isu serta menasihati anggota Umno akur keputusan MT.

Namun, Wan Mahmud menegaskan, beliau sudah menyampaikan memorandum itu kepada Syed Razak pada jam 3 petang semalam iaitu tiga hari selepas menghantar salinan asal kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merangkap Presiden Umno.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, Fasal 15.7 Perlembagaan Umno hanya diguna pakai dalam keadaan di mana ketua bahagian tidak ada, maka timbalannya boleh dilantik sebagai pengganti atau pemangku.

"Tetapi dalam isu ini, perkara terbabit tidak wujud kerana calon yang menang itu 'disqualified' jadi soal dia pegang jawatan tidak timbul.

"Saya harap semua dapat terima keputusan ini, kalau semua nak bantah saja bila ada masa untuk tumpukan terhadap kemajuan parti," katanya.

(END)